




PARLIMEN MALAYSIA



MESYUARAT KETIGA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEDUABELAS
2008

JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB
LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB
DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA
KEMENTERIAN

HARI RABU: 5 NOVEMBER 2008

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN
(SOALAN NO. 11 HINGGA 33)**

**NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 10,
[RÚJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]**

No: 11

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL PERTAMA, PARLIMEN KEDUA BELAS 2008**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

Pertanyaan : PERTANYAAN JAWAB LISAN
Daripada : Datuk Siringan bin Gubat [Ranau]
Tarikh Menjawab : 5 November 2008 (Selasa)
Soalan : [No. 11]

SOALAN

Datuk Siringan bin Gubat [Ranau] minta **Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi** menyatakan jumlah hasil pengeluaran getah asli dari Sabah sejak tahun 2002 hingga 2007. Kenapakah nilai getah dari Sabah lebih rendah harganya seperti mana yang terdapat di Semenanjung Malaysia.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL PERTAMA, PARLIMEN KEDUA BELAS 2008**

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah hasil pengeluaran getah asli dari Sabah sejak tahun 2002 hingga 2007 adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Pengeluaran (Tan)
2002	25,731
2003	34,862
2004	45,947
2005	57,654
2006	62,538
2007	44,173
Jumlah	270,905

Nota:

* Data pengeluaran untuk estet diperoleh dari Banci Estet Getah Bulanan. Tiada banci dijalankan untuk pekebun kecil.

**Data pengeluaran di atas merujuk kepada pembelian getah asli Malaysia oleh kilang pemproses getah di Sabah sahaja (Banci Pemproses Getah Bulanan).

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perbezaan harga getah di Sabah dengan Semenanjung adalah kerana kadar harga getah yang ditawarkan oleh pembeli kepada pekebun kecil dipengaruhi oleh pelbagai faktor, antaranya, kandungan getah serta gred getah yang dihasilkan dan juga bilangan pembeli yang bersaing di sesuatu kawasan itu. Bagi kawasan yang tidak mempunyai kemudahan pengangkutan sebagai contoh di kawasan pedalaman di Sabah, pembeli lazimnya akan mengenakan kos pengangkutan ke atas pekebun kecil. Bagi penoreh yang menjual getah yang mempunyai kandungan getah kering (KGK) yang rendah akibat dicemari bahan asing seperti air, daun, ranting dan tanah, harga jualan getah yang diterima oleh pekebun kecil juga akan berkurangan. Walau bagaimanapun, di kawasan yang mempunyai ramai pembeli, harga yang ditawarkan mungkin akan lebih tinggi akibat dari persaingan di antara pembeli-pembeli tersebut. Oleh yang demikian, berdasarkan kepada faktor tersebut, harga yang ditawarkan kepada pekebun kecil akan berbeza.

Sehubungan itu, pekebun kecil getah adalah digalakkan untuk meningkatkan kualiti getah yang dihasilkan agar ianya dapat meraih harga yang lebih tinggi. Kementerian saya melalui LGM telah melaksanakan projek membina Pusat Memproses Getah Berkelompok (GPC) di Sabah di mana dalam RMK8 sebanyak 42 buah telah dibina sementara dalam RMK9 pula, sebanyak 9 buah GPC telah dibina, 15 buah sedang dalam pembinaan dan 20 buah lagi akan dibina pada tahun 2009. GPC ini berfungsi sebagai pusat pengumpulan hasil getah

dan juga pusat bagi aktiviti pemindahan teknologi kepada pekebun kecil. Dengan adanya GPC ini, pekebun kecil getah di Sabah akan dididik dan dibimbing agar dapat mengeluarkan hasil getah yang bersih dan bermutu untuk mendapatkan pulangan harga yang baik.

SOALAN NO : . . 12

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN JOHN A/L FERNANDEZ
[SEREMBAN]
TARIKH : 5 NOVEMBER 2008
SOALAN :**

Tuan John A/L Fernandez [Seremban] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah tidak terdapat langkah-langkah proaktif yang dirancang oleh pihak Kerajaan untuk menarik balik ramai tenaga mahir warga tempatan khususnya di bidang kesihatan untuk bekerja di dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua,

Dalam usaha untuk menarik balik ramai tenaga mahir warga tempatan dalam bidang kesihatan yang berkhidmat di luar negara untuk pulang ke Malaysia, Kementerian Kesihatan telah bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia dalam 'Program Menggalakkan Warganegara Malaysia Yang Berkepakaran Yang Bekerja Di Luar Negara Pulang Ke Malaysia' untuk berkhidmat sebagai Pegawai Perubatan di hospital-hospital Kerajaan.

Sehingga kini, seramai 110 orang rakyat Malaysia yang berkhidmat di luar negara telah pulang dan kini berkhidmat di fasiliti-fasiliti kesihatan Kerajaan dan swasta di seluruh negara. Insentif-insentif yang ditawarkan adalah seperti yang terkandung dalam garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Sumber Manusia khusus untuk Program tersebut.

Selain itu, Kementerian turut menawarkan pelantikan atas gred gaji yang lebih menarik berdasarkan pengalaman dan kepakaran yang mereka miliki. Di samping itu juga, bagi mereka yang berumur 45 tahun dan ke atas, mereka boleh dikecualikan daripada menjalani khidmat wajib selama 3 tahun dengan Kerajaan.

No: 13

NO. SOALAN : 13

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [Sekijang]**

TARIKH : **5 November 2008 (Rabu)**

SOALAN : **YB Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [Sekijang]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan Kerajaan dalam memberi keselesaan tempat tinggal kepada jemaah Haji Malaysia di Mekah pada masa akan datang memandangkan kos penginapan yang sentiasa meningkat dari masa ke semasa.

JAWAPAN :

Tabung Haji telah bertekad untuk menyediakan tempat tinggal yang memenuhi citarasa jemaah haji Malaysia di Makkah. Ini dapat dilihat pada Bangunan Penginapan Jemaah Haji yang disewa untuk jemaah haji Malaysia selama ini. Dalam suasana meningkatnya kos penginapan dari masa ke semasa, Tabung Haji akan terus mengekalkan standard Bangunan Penginapan Jemaah Haji yang disewa untuk jemaah haji Malaysia.

NO. SOALAN : 2**LAMPIRAN IV**

Antara ciri-ciri standard yang dimaksudkan ialah:

- i) ruang lobi yang luas;
- ii) jumlah jemaah haji dalam satu bilik sekitar enam orang dengan bilik air sendiri;
- iii) nisbah pergerakan jemaah haji menaiki lif pada satu-satu masa berbanding jumlah jemaah di bangunan tersebut;
- iv) jarak jauh dari masjid;
- v) usia bangunan.

Kerajaan melalui penglibatan **TH** dalam menguruskan jemaah haji Malaysia, telah dan akan terus mengenalpasti Bangunan-Bangunan Penginapan Jemaah Haji di Makkah, menggunakan pendekatan pajakan jangka panjang. Berasaskan pendekatan ini, **TH** bukan sahaja memajak bangunan yang tersedia, tetapi juga terlibat dengan perancangan, pembangunan, dan susun atur bilik-bilik penginapan yang mengekalkan ciri-ciri standard yang telah ditetapkan. Melalui pajakan jangka panjang, **TH** juga berpeluang mengawal kenaikan harga Bangunan Penginapan Jemaah Haji di Makkah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN DEWAN
RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
[SUNGAI SIPUT]**

TARIKH : 5 NOVEMBER 2008

RUJUKAN : 1308

SOALAN:

Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada benar pihak UNHCR (Bahagian UN yang mengendalikan masalah pelarian Refugee) tidak dibenarkan masuk ke kem-kem tahanan untuk temu duga dan menyiasat permohonan individu yang ingin memohon status "refugee".

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Sungai Siput yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan tidak mengiktiraf status Pelarian yang berada di bawah perlindungan UNHCR dan tidak pernah mewujudkan mana-mana undang-undang khas bagi orang pelarian. Kerajaan juga tidak mengiktiraf status Pelarian dalam undang-undangnya serta tidak menandatangani dan mengiktiraf "*Convention Relating to the Status of Refugees 1951 and 1967 Protocol*".

Ini adalah kerana, setiap warga asing yang memasuki Malaysia harus mempunyai dokumen perjalanan yang sah. Manakala warganegara asing yang melanggar sebarang syarat yang ditetapkan di dalam Akta atau Peraturan tersebut adalah dianggap sebagai Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI). Dalam hubungan ini, memandangkan tidak wujud sebarang peruntukan khusus mengenai orang pelarian di Negara ini, maka **mana-mana orang yang berada di bawah perlindungan UNHCR adalah dianggap sebagai PATI kerana melakukan kesalahan di bawah Seksyen 6(1)(c), Akta Imigresen 1959/63 (Pindaan 2002) yang menyatakan "Tiada sesiapa pun**

selain daripada seseorang warganegara yang boleh memasuki Malaysia melainkan ia memiliki suatu Pas yang sah dikeluarkan dengan sah kepadanya bagi memasuki Malaysia”.

Tuan Yang Di-Pertua,

Pihak UNHCR sememangnya dibenarkan untuk melawat ke DTS bagi urusan temu duga. Oleh yang demikian, **sepanjang tahun 2008, pihak UNHCR telah mengadakan sebanyak 30 kali lawatan untuk urusan temu duga di sebelas (11) buah DTS seluruh negara.** Namun demikian, Kerajaan senantiasa memberi kerjasama yang baik kepada pihak UNHCR untuk membuat lawatan ke atas “*refugee*” yang berada di bawah perlindungan mereka yang ditahan di Depot Tahanan Sementara (DTS).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATO' SERI TIONG KING SING
TARIKH : 5 NOVEMBER 2008 (RABU)
NO. PERTANYAAN : 15

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta MENTERI
PENGAJIAN TINGGI menyatakan :-**

- (a) adakah pihak Kementerian membuat pemantauan mengenai keselamatan pelajar-pelajar IPTA/IPTS khususnya yang tinggal di kolej kediaman luar kampus universiti; dan
- (b) adakah pihak Kementerian mempunyai garis panduan mengenai tatacara keselamatan pelajar-pelajar yang tinggal di kolej kediaman dalam kampus atau di luar kampus universiti.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sememangnya mengambil berat tentang keselamatan pelajar IPT yang tinggal di kolej kediaman luar kampus. Beberapa langkah telah diambil, antaranya ialah:-

- i. menjalinkan kerjasama yang baik dengan pihak penguatkuasaan tempatan dan masyarakat setempat;

- ii. mengukuhkan sistem lingkaran kawalan dengan menambah anggota keselamatan untuk bertugas selama 24 jam setiap hari dan menambah bilangan kamera CCTV (*Close Circuit TV Systems*) yang berteknologi tinggi;
- iii. mengadakan kempen pendaftaran pelajar sebagai ahli RAKAN COP bagi mewujudkan jalinan kerjasama antara pelajar dengan masyarakat luar dan pihak polis untuk menyalurkan maklumat dalam usaha mencegah jenayah;
- iv. membuat hebahan dan mengedarkan gambar penjenayah di seluruh kampus jika terdapat kes jenayah agar pelajar sentiasa berjaga-jaga; dan
- v. menubuhkan kelab beruniform, antaranya Kor Sukarelawan Polis Siswa/Siswi yang bertindak sebagai polis bantuan di kampus kediaman pelajar;

(b) Setiap IPT, sememangnya terdapat garis panduan keselamatan masing-masing tentang tatacara keselamatan pelajar yang tinggal di kolej kediaman ataupun di luar kampus. Di IPTA umpamanya, terdapat sebuah majlis yang bertanggung jawab di dalam hal ehwal dan kebajikan pelajar di kolej kediaman yang dikenali sebagai Majlis Perumahan Universiti Malaysia (MAPUM), yang diketuai oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni).

PARLIMEN MALAYSIA

PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LISAN

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : **Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan
Abdullah [KOTA BHARU]**
TARIKH : 5 NOVEMBER 2008 (RABU)
SOALAN : **Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan
Abdullah [KOTA BHARU]**
minta MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan :-

laporan perkembangan Projek National Fedlot Centre (NFC) yang bernilai RM170 juta di Gemas, Urus niaga yang bakal meningkatkan bekalan lembu daging daripada 23% (tahun 2005) kepada 37% (tahun 2010).

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,
Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Sehingga kini keseluruhan komponen pembangunan oleh pihak kerajaan telah selesai. Ianya meliputi penyediaan infrastruktur asas seperti infra bekalan air dan elektrik, infra asas pengairan, jalan

utama dan jalan ladang, pemagaran perimeter serta perataan tapak asas infra telah selesai dengan keseluruhan kos sebanyak RM40 Juta. Selain dari itu sebuah abattoir berkapasiti 300 ekor sembelihan sedang dalam proses merekabentuk dan bakal siap penghujung tahun 2009 dengan kos dianggarkan sebanyak RM60 juta.

Pembangunan infra ternakan fasa 1 juga telah siap sepenuhnya dibangunkan oleh Syarikat Peneraju meliputi pembangunan kandang berkapasiti 6,000 ekor, stor makanan, pejabat dan kuater kekitangan. Sebanyak 2 konsigmen ternakan telah mula ditenak iaitu sejumlah 500 ekor pada kemasukan pertama (Julai 2008) dan 4,000 ekor pada kemasukan kedua (September 2008). Pembangunan Ladang satelit di negeri-negeri telah dimulakan di Negeri Sembilan, Johor, Perak, Kedah, Terengganu, Pahang dan Kelantan ianya dijangkakan bakal mula beroperasi pada penghujung tahun 2009.

Keseluruhan sistem akan mula bergerak secara sinergistik pada awal 2010 dan dijangkakan mencapai kapasiti optimum pada penghujung tahun 2015.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH (LENGGONG)
TARIKH : 5.11.2008

SOALAN:

Y.B. DATO' SHAMSUL ANUAR BIN NASARAH [LENGGONG] minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menambahkan bilangan penerima Rancangan Makanan Tambahan (RMT), biasiswa Persekutuan, bantuan Uniform Kokurikulum, Bantuan One Off dan lain-lain bantuan kepada semua pelajar sekolah sekarang setelah mengambil kira bebanan rakyat kesan kenaikan harga bahan api dan harga barangan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) tidak menetapkan bilangan penerima bantuan pendidikan. Hal ini kerana pemberian bantuan kepada murid adalah tertakluk kepada kelayakan tertentu seperti jumlah pendapatan keluarga atau pendapatan perkapita, prestasi akademik dan prestasi kokurikulum murid.

Walau bagaimanapun, kesan daripada keadaan ekonomi semasa mendorong KPM mengkaji dan mempertimbangkan kesesuaian kadar-kadar bantuan yang diberikan kepada murid supaya sentiasa bersesuaian dengan keadaan ekonomi semasa dan bebanan keluarga. Sebagai contohnya mulai tahun 2009, elaun murid kurang upaya dinaikkan dari RM50 kepada RM150 sebulan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN MOHD. NASIR BIN ZAKARIA
[PADANG TERAP]
TARIKH : 5 NOVEMBER 2008
RUJUKAN : 1310

SOALAN:

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menaik taraf Pondok Polis Lubuk Merbau, Padang Terap kepada balai polis memandangkan jumlah penduduk yang semakin bertambah mencecah 10,000 sedangkan kekuatan anggota hanya 3 orang.

Jawapan :

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Padang Terap yang telah mengemukakan pertanyaan.

Kerajaan memang ada cadangan untuk menaik taraf pondok Polis Lubuk Merbau kepada Balai Polis dan ia dimasukkan dalam Rancangan Malaysia ke-Sepuluh (RMK-10) kelak.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DATUK MD. SIRAT BIN ABU
(BUKIT KATIL)**

PERTANYAAN : MULUT

TARIKH : 05.11.2008

YB Datuk Md. Sirat bin Abu minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) bercadang menaikkan kadar pinjaman bagi projek Rumah Mesra Rakyat berbanding dengan kadar sedia ada. Adakah SPNB juga turut menaikkan kadar bayaran ansuran bulanan bagi pinjaman tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, buat masa ini Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) masih mengekalkan kadar pinjaman perumahan di bawah skim Rumah Mesra Rakyat (RMR) sedia ada yang telah disemak dan berkuat kuasa mulai 26 Disember 2007. Kadar pinjaman perumahan RMR ini melibatkan kos dua pertiga daripada harga rumah di antara RM60,000 hingga RM65,000 di Semenanjung, RM70,000 di kawasan tanah tinggi dan kepulauan kecil (kecuali Pulau Pinang) dan di antara RM55,000 hingga RM76,000 di Sabah dan Sarawak bergantung kepada keluasan binaan dan lokasi.

Kadar bayaran ansuran bulanan bagi pinjaman perumahan RMR adalah pada RM150 sebulan dengan tempoh pinjaman di antara 23 hingga 27 tahun di Semenanjung dan di antara 21 hingga 29 tahun di Sabah dan Sarawak.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI AHMAD LAI BIN BUJANG
[SIBUTI]**

TARIKH : 5 NOVEMBER 2008 [RABU]

SOALAN:

Tuan Haji Ahmad Lai bin Bujang [Sibuti] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah kenaikan harga minyak kepada RM2.70 memberi kesan kepada Agensi Kerajaan seperti Polis, Bomba, Penguat kuasa JPJ dan Ambulans dalam melaksanakan tugas mereka sebagai contoh Rondaan Polis akan terus dipertingkatkan walaupun harga bahan api untuk kenderaan naik.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kenaikan harga minyak petrol dan diesel yang diumumkan pada 5 Jun 2008 yang lalu telah menyebabkan peningkatan perbelanjaan mengurus bagi agensi Kerajaan seperti polis, bomba, penguatkuasa JPJ dan perkhidmatan kesihatan seperti ambulans. Ini kerana mana-mana agensi Kerajaan tidak diperuntukkan subsidi khas bagi petrol dan diesel. Ini bermakna agensi Kerajaan juga membayar kos petrol dan diesel pada harga runcit di pam.

Namun begitu, Kerajaan komited untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik bagi menjamin kesejahteraan rakyat, terutamanya bagi perkhidmatan kritikal seperti yang ditawarkan oleh agensi-agensi berkenaan. Secara amnya, operasi agensi Kerajaan tidak akan terjejas kerana kenaikan kos bahan api boleh dipohon melalui peruntukan tambahan mengurus yang telahpun diluluskan baru-baru ini oleh Dewan yang Mulia ini. Oleh itu, program penambahbaikan seperti peningkatan rondaan polis akan diteruskan. Ini adalah selaras dengan teras Bajet Kerajaan Persekutuan yang memberi penekanan kepada program serta projek Kerajaan yang *people centric* atau mesra rakyat.

Selaras dengan penurunan harga minyak di pasaran dunia, harga runcit petrol kini telah menurun secara berperingkat kepada RM 2.15 daripada tahap RM 2.70. Ini sekaligus mengurangkan kos mengurus Kerajaan bagi melaksanakan perkhidmatan kritikal tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

Pertanyaan : **LISAN**

Daripada : **DATO' DR. MOHAMAD SHAHRUM BIN
OSMAN [LIPIS]**

Tarikh : **RABU, 5 NOVEMBER 2008**

SOALAN

Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis] minta **MENTERI PENERANGAN** menyatakan cara-cara untuk menghalang rakyat daripada menggunakan "Bahasa Melayu Rojak" di radio dan televisyen dan langkah-langkah untuk memartabatkan Bahasa Melayu Baku.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Terima kasih kepada YB Lipis atas soalan yang dikemukakan. Penggunaan "Bahasa Malaysia Rojak" di radio dan televisyen RTM adalah dilarang berdasarkan Garis Panduan Siaran yang meliputi aspek berbahasa. Petikan ucapan atau temu bual yang menggunakan "bahasa rojak" juga tidak akan disiarkan dalam berita sebagai salah satu langkah memartabatkan Bahasa Malaysia.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN
KITINGAN
(KENINGAU)
TARIKH : 5.11.2008

SOALAN:

Y.B. DATUK SERI PANGLIMA JOSEPH PAIRIN KITINGAN [KENINGAU] minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah Kerajaan akan membekalkan sebuah dewan besar kepada SMK Nambayan, Tambunan memandangkan ianya sangat diperlukan khusus untuk mengadakan aktiviti ko-kurikulum agar proses pengajaran dan pembelajaran lebih kondusif dan berkesan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa memastikan sekolah-sekolah disediakan kemudahan yang sempurna bagi aktiviti kurikulum dan kokurikulum termasuk dewan sekolah. Namun, memandangkan kos bagi penyediaan kemudahan tersebut adalah tinggi, KPM menyediakan dewan sekolah mengikut kelompok sekolah supaya kemudahan ini dikongsi penggunaannya oleh beberapa sekolah yang berhampiran. Di samping itu, setiap sekolah disediakan bilik darjah yang berkonsepkan *collapsible wall* yang boleh digunakan bagi pelbagai aktiviti termasuklah permainan dalaman seperti permainan catur, aktiviti kebudayaan dan sebagainya.

Pembinaan dewan besar SMK Nambayan tidak tersenarai dalam Rancangan Malaysia ke-9. Pada masa ini, Kementerian sedang menghadapi masalah

kekangan siling peruntukan bagi projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia ke-9. Walau bagaimanapun, sekiranya keperluan bagi mengadakan dewan ini adalah sangat mendesak, Kementerian akan mengarahkan Jabatan Pelajaran Sabah untuk menyenaraikan projek ini didalam Rancangan Malaysia ke-10 sebagai projek berkeutamaan tinggi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN JOHARI BIN ABDUL
(SUNGAI PETANI)**

TARIKH : 5 NOVEMBER 2008 (RABU)

SOALAN :

**Y.B. TUAN JOHARI BIN ABDUL (SUNGAI PETANI) minta
MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
menyatakan :-**

- (a) adakah kajian dibuat yang mendapati sampah pepejal bila diproses boleh menghasilkan bahan bakar ; dan
- (b) adakah Kerajaan berhajat untuk mengkaji perkara ini dan memberi peluang kepada pihak yang berminat mengusahakan perkara ini daripada Kerajaan Tempatan membakar / menanam sampah sarap tanpa mendapat apa-apa hasil.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedar akan wujudnya pelbagai teknologi yang boleh memproses sisa pepejal untuk menjadi bahan bakar. Dalam hal ini Jawatankuasa Penilaian Teknologi sisa Pepejal di KPKT telah menerima banyak cadangan untuk dibuat penilaian. Antara cadangan-cadangan yang diterima ialah pembinaan loji-loji seperti loji rawatan termal yang bukan sahaja boleh menggunakan sisa pepejal sebagai bahan bakar malah berupaya menjana tenaga elektrik. Di samping itu, terdapat juga cadangan teknologi yang boleh menukar sisa pepejal menjadi *pellet* sebagai bahan bakar. Penjanaan kompos daripada sisa pepejal melalui pelbagai kaedah juga diterima oleh KPKT.

Dalam pada itu, KPKT juga sedang menjalankan kajian mengenai teknologi *Refuse Derived Fuel* (RDF) bagi melihat kemungkinan penggunaan sisa pepejal sebagai bahan bakar alternatif.

Pada kesimpulannya, KPKT melalui Jawatankuasa Penilaian Teknologi akan mengkaji teknologi-teknologi yang dicadangkan bagi memastikan kesesuaiannya untuk digunapakai di negara ini baik dari segi teknologi mahupun kewangan dan ekonomi. Sekiranya terdapat teknologi yang sesuai, terbukti, kos efektif dan mesra alam, KPKT bersedia untuk menggunakannya bagi menangani masalah pelupusan sisa pepejal disamping menjana sumber tenaga.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

November 2008

SOALAN NO. (24)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM
(SEPUTEH)**

TARIKH : 5 NOVEMBER 2008 (RABU)

SOALAN :

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM (SEPUTEH) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan projek terbengkalai mengikut pecahan negeri di seluruh Malaysia. Apakah langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menyelamatkan projek perumahan yang terbengkalai dan berapakah projek perumahan terbengkalai telah pun dipulihkan melalui campur tangan pihak Kementerian.

JAWAPAN :-

Tuan Yang Dipertua,

Bagi tempoh 1990 sehingga Jun 2008, terdapat sejumlah 270 projek perumahan terbengkalai di Semenanjung Malaysia. Daripada jumlah tersebut, 126 projek telah disiapkan dengan Sijil Layak Menduduki, 29 projek sedang dalam pembinaan manakala 115 projek masih terbengkalai. Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut:

NEGERI	SIAP DIPULIHKAN	SEDANG DALAM PEMBINAAN	MASIH TERBENGKALAI	JUMLAH
PERLIS	3	0	0	3
KEDAH	11	2	7	20
PULAU PINANG	16	2	8	26
PERAK	14	1	5	20
SELANGOR	27	4	35	66
W.PERSEKUTUAN KL	12	3	3	18
N.SEMBILAN	9	4	16	29
MELAKA	7	1	6	14
JOHOR	5	9	23	37
PAHANG	10	2	9	21
TERENGGANU	7	0	1	8
KELANTAN	5	1	2	8
JUMLAH	126	29	115	270

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha-usaha pemulihan projek perumahan terbengkalai, Kementerian memainkan peranan sebagai pemudahcara/mediator dengan menyelaraskan mesyuarat, perbincangan dan rundingan bersama semua pihak yang terbabit seperti pemaju, tuan tanah, pembeli, pembiaya atau juruperunding serta agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Insolvensi Malaysia, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Pejabat Tanah bagi mencari kaedah pemulihan yang terbaik. Hasil pemudahcaraan Kementerian ini, sebanyak 126 projek perumahan terbengkalai telah siap dipulihkan dengan Sijil Layak Menduduki.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

November 2008

JAWAPAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT
MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN ABD. RAHMAN BIN BAKRI
(SABAK BERNAM)

TARIKH : 5 NOVEMBER 2008 (RABU)

NO. SOALAN : 25

Y.B. TUAN ABD. RAHMAN BIN BAKRI minta MENTERI PERPADUAN, KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN menyatakan:-

- (a) berapakah jumlah geran tahunan untuk Rukun Tetangga;**
dan
- (b) adakah pihak Kementerian bercadang untuk menambah peruntukan geran tersebut Rukun Tetangga ini lebih efektif.**

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

- a. Geran Tahunan untuk Kawasan Rukun Tetangga adalah sebanyak RM 4,800 setahun. Disamping itu Kerajaan juga memberikan peruntukan bagi melaksanakan aktiviti sebanyak RM 2,400 setahun. Jumlah keseluruhan peruntukan bagi satu Kawasan Rukun Tetangga adalah sebanyak RM 7,200 setahun tertakluk kepada keaktifan Rukun Tetangga berkenaan.

- b. Kementerian memang bercadang untuk menambah peruntukan geran tersebut. Walaubagaimanapun dengan pertambahan bilangan Kawasan Rukun Tetangga yang pesat, Kementerian perlu melihat kepada kemampuan kewangan yang ada bagi mengagihkan peruntukan tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
 DARIPADA : Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
 (SELAYANG)
 TARIKH : 5 NOVEMBER 2008

SOALAN:

Y.B. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN (SELAYANG) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan Koefisien Gini isi rumah bagi Bumiputera dari tahun 1970 hingga 2007 dan apakah sebab-sebab jurang di antara Bumiputera kaya dengan miskin meningkat.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, angka Pekali Gini atau dengan izin *Gini Coefficient* dikalangan Bumiputera sejak tahun 1970 hingga tahun 2007 berdasarkan maklumat daripada Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah adalah seperti berikut:

Tahun	Pekali Gini bagi Bumiputera
1970	0.466
1976	0.506
1984	0.469
1989	0.426
1995	0.441

1999	0.429
2004	0.450
2007	0.430

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebenarnya jurang pendapatan dikalangan Bumiputera sekarang adalah bertambah baik berbanding tahun 1970. Ini dapat dilihat dengan penurunan Pekali Gini dikalangan Bumiputera daripada 0.466 pada tahun 1970 kepada 0.430 pada tahun 2007. Jurang pendapatan dikalangan Bumiputera yang kaya dan miskin juga bertambah baik dengan peratus pendapatan bagi kumpulan berpendapatan 20% tertinggi telah mengecil daripada 51.2% pada tahun 2004 kepada 48.7% pada tahun 2007, manakala peratus pendapatan bagi kumpulan pendapatan isi rumah 40% terendah pula bertambah daripada 13.5% kepada 15.2%. Oleh yang demikian, isu peningkatan jurang pendapatan dikalangan Bumiputera adalah tidak timbul. Walau bagaimanapun, Kerajaan sedar lebih banyak usaha perlu dilaksanakan untuk terus mengurangkan jurang tersebut.

Bagi tujuan ini, Kerajaan akan terus berusaha untuk mengurangkan jurang pendapatan di kalangan Bumiputera, khususnya untuk meningkatkan pendapatan bagi golongan pertengahan dan golongan berpendapatan rendah melalui program-program peningkatan kapasiti atau dengan izin *capacity building* melalui pendidikan dan latihan, meningkatkan akses kepada modal dan peluang perniagaan dan sebagainya.

SOALAN NO. (27)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN TAN TEE BENG :
(NIBONG TEBAL)**

TARIKH : 5 NOVEMBER 2008 (RABU)

SOALAN :

Y.B. TUAN TAN TEE BENG (NIBONG TEBAL) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapa tahun lagi Pulau Burung yang terletak di Pulau Pinang digunakan untuk tapak pelupusan sampah. Bilakah pelaksanaan seterusnya dirancang oleh Pihak Kementerian terhadap Pusat Solid Waste Management.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tapak pelupusan sisa pepejal Pulau Burung menerima sisa pepejal daripada Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai. Ia mempunyai keluasan sebanyak 66 hektar dan berdasarkan Pelan Strategik Pengurusan Sisa Pepejal Kebangsaan, tapak pelupusan Pulau Burung boleh digunakan sehingga tahun 2020.

Walau pun tapak pelupusan ini boleh digunakan dalam tempoh yang panjang, Kerajaan sentiasa mencari alternatif yang lebih ekonomik, cekap dan mesra alam bagi mengurangkan amaun sisa pepejal yang dilupus di tapak pelupusan. Sekiranya sesuai, alternatif ini akan digunakan dalam mengurus dan melupus sisa pepejal di Negeri Pulau Pinang.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
November 2008

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHUA TEE YONG [LABIS]

TARIKH : 5 NOVEMBER 2008

SOALAN:

Tuan Chua Tee Yong [Labis] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan jumlah tajaan biasiswa JPA yang telah diberikan kepada pelajar cemerlang untuk mengikuti pelajaran di peringkat ijazah sarjana di luar negara dari tahun 2004-2007 mengikut pecahan kaum dan bidang pengajian.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Jumlah tajaan biasiswa JPA yang telah diberikan kepada pelajar cemerlang untuk mengikuti pengajian di peringkat sarjana di bawah Program Pelajar Cemerlang luar negara dari tahun 2004-2007 adalah seramai 37 orang. Pecahan pelajar mengikut bidang adalah seperti berikut:

Jumlah Pelajar Yang Ditawarkan Biasiswa JPA Di Bawah Program Pelajar Cemerlang Di Luar Negara Mengikut Bidang Pengajian Dari Tahun 2004 Hingga 2007						
Bil	Bidang	2004	2005	2006	2007	Jumlah
1	Sains Dan Teknologi	3	5	8	11	27
2	Sastera Dan Sains Sosial	-	2	3	5	10
	Jumlah	3	7	11	16	37

Jumlah Pelajar Yang Ditawarkan Biasiswa JPA Di Bawah Program Pelajar Cemerlang Di Luar Negara Mengikut Kaum Dari Tahun 2004 Hingga 2007						
BIL	Kaum	2004	2005	2006	2007	Jumlah
1	Bumiputera	2	4	9	8	23
2	Bukan Bumiputera	1	3	2	8	14
	Jumlah	3	7	11	16	37

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN: LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN LIM LIP ENG
[SEGAMPUT]**

TARIKH : RABU, 5 NOVEMBER 2008

RUJUKAN : 11

SOALAN :

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan mengumumkan kandungan kontrak dengan syarikat ITIS, berapakah kos pembelian/pemasangan sebenarnya untuk setiap CCTV dan VMS yang dibayar oleh ITIS dan berapa pula yang dibayar oleh Kerajaan kepada ITIS untuk setiap CCTV dan VMS itu dan berapa kali CCTV dan VMS itu telah rosak sepanjang 2007 hingga kini.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Segambut, kandungan kontrak *Integrated Transport Information System* (ITIS) tidak dapat dikemukakan kerana ianya melibatkan maklumat-maklumat yang terlalu banyak. Namun, Ahli Yang Berhormat boleh merujuk terus ke Jabatan Pengangkutan Bandar, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bagi tujuan tersebut.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Segambut juga, *Integrated Transport Information System (ITIS)* mempunyai 255 unit CCTV dan 140 unit VMS. Kos keseluruhan bagi pemasangan CCTV termasuk kesemua kelengkapannya ialah RM40.866 juta iaitu purata RM160,260.00 untuk setiap unit. Kos keseluruhan pemasangan VMS pula ialah RM67.348 juta iaitu RM481,060.00 kos purata bagi setiap unit termasuk semua kelengkapan yang diperlukan.

Berkenaan dengan kerosakan CCTV dan VMS pula, sepanjang tahun 2007 sehingga Oktober 2008 sebanyak 80 unit CCTV dan 78 unit untuk VMS telah mengalami kerosakan. Semua kes kerosakan yang dialami oleh CCTV dan VMS tersebut bukan disebabkan oleh masalah teknikal tetapi berlaku kegagalan fungsi akibat daripada kecurian kabel dan kemalangan kenderaan. Kos bagi membaik pulih keseluruhan kelengkapan CCTV dan VMS ialah sebanyak **RM8 juta**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]

TARIKH : 5 NOVEMBER 2008 [RABU]

SOALAN:

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kajian yang dilakukan atas pemusatan kuasa yang berlebihan di tangan kerajaan persekutuan dan apakah kerajaan negeri akan diberi kuasa dalam bidang pengangkutan awam, pelancongan, pengurusan sisa pepejal, pengurusan air dan pencuciaan.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Saya ingin mengingatkan semua Ahli Yang Berhormat bahawa pembahagian kuasa antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri adalah tertakluk kepada pengagihan kuasa sebagaimana yang telah diputuskan dalam Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan. Oleh yang demikian, tidak timbul soal "pemusatan kuasa yang berlebihan", memandangkan pembahagian kuasa telah dipersetujui secara saksama sepertimana yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Sehubungan dengan itu, saya juga ingin mengingatkan Ahli Yang Berhormat bahawa bidang pengangkutan awam, pelancongan dan percukaian merupakan bidang-bidang yang tertakluk dibawah Senarai Persekutuan, dan dengan itu tertakluk sepenuhnya di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Manakala bidang pengurusan sisa pepejal dan pengurusan air pula adalah tertakluk kepada Senarai Bersama, di mana bidang-bidang tersebut tertakluk di bawah kuasa bersama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri.

Oleh itu, saya ingin menegaskan bahawa pemberian kuasa kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dalam mana-mana bidang sekalipun, termasuklah bidang-bidang yang disebut oleh YB Tanjong, adalah tertakluk kepada Perlembagaan. Sekiranya sebarang perubahan

dirasakan perlu, maka perubahan tersebut perlulah dilakukan dengan cara meminda Perlembagaan Persekutuan menurut prosedur yang telah ditetapkan dalam Perlembagaan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN

KAWASAN : PASIR PUTEH

TARIKH : 05.11.2008 (RABU)

Y.B. TUAN MUHAMMAD BIN HUSSAIN minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan jumlah pelaburan syarikat-syarikat Malaysia di luar negara serta bidang-bidang yang diterokai oleh syarikat-syarikat terbabit.

JAWAPAN :

Tuan Yang DiPertua,

Pada tahun 2007, jumlah pelaburan Malaysia di luar negara adalah sebanyak RM42.4 billion berbanding dengan RM21.5 billion dalam tahun 2006.

Sebanyak RM31.9 billion atau 75.2 peratus daripada jumlah pelaburan diluar negara pada tahun 2007 adalah di dalam 2007 adalah di dalam sektor seperti perkilangan, kewangan, insuran, hartanah, perkhidmatan pelaburan dan perniagaan, serta perlombongan dan kuari.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang DiPertua,

Menyedari bahawa usaha untuk membangunkan kawasan luar bandar memerlukan belanja serta jentera yang besar, maka usaha pembangunan kawasan luar bandar telah diletakkan di bawah bidangkuasa sebuah Kementerian Kerajaan Persekutuan, iaitu Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Lagipun, usaha Kerajaan Pusat telah terbukti sepanjang hampir lima dekad sejak Merdeka, di mana pelbagai kemudahan asas telah dapat disediakan di seluruh pelosok negara dengan adanya usaha pembangunan luar bandar yang berkesan hasil usaha Kerajaan Pusat selama ini.

Walaupun begitu, ini tidak menidakkan peranan dan sumbangan Kerajaan Negeri dalam membangunkan kawasan luar bandar di negeri masing-masing. Malah usaha memajukan kawasan luar bandar perlu dijalankan secara terancang dan kolektif antara Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan, demi kesejahteraan rakyat luar bandar di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY A/L R.SANTIAGO
[KLANG]
TARIKH : 5 NOVEMBER 2008
RUJUKAN : 1311

SOALAN:

Tuan Charles Anthony A/L R.Santiago [Klang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapa banyak levy yang dikutip daripada pekerja asing dalam tahun 2005, 2006 dan 2007. Apakah rancangan Malaysia untuk realisasikan 'ASEAN Declaration on the Protection and Promotion of the Rights of Migrant Workers' yang ditandatangani pada Januari 2007.

JAWAPAN UNTUK SOALAN PARLIMEN PADA 5.11.2008

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Y.B. dari Klang di atas soalan yang dikemukakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Hasil kutipan levi bagi tahun 2005 adalah berjumlah **RM 1,547,382,824.10** manakala pada tahun 2006, jumlah tersebut bertambah kepada **RM 1,775,336,200.25**. Bagi tahun 2007 pula, Kerajaan telah memungut hasil levi sebanyak **RM 2,135,877,694.79** iaitu pertambahan sebanyak **20%** berbanding kutipan tahun 2006.

Berkenaan '*Asean Declaration on the Protection and Promotion of the Right of Migrant Workers*' yang telah ditandatangani pada 13 Januari 2007 oleh Y.A.B. Perdana Menteri, satu jawatankuasa pelaksana telah ditubuhkan diperingkat ASEAN pada 30 Julai 2007 bagi tujuan memperincikan tindakan-tindakan susulan yang boleh diambil untuk merealisasikan matlamat deklarasi berkenaan. Dalam konteks ini, Kerajaan Malaysia selaku negara penerima (*receiving country*) akan memastikan hak asasi pekerja asing yang dianiayai atau menjadi mangsa penipuan oleh majikan akan diberikan keadilan yang sewajarnya melalui perbicaraan yang adil di Mahkamah Buruh. Kerjasama antara agensi yang terlibat seperti Jabatan Imigresen

Malaysia, Jabatan Tenaga Kerja dan lain-lain telah dipertingkatkan bagi memastikan tiada lagi karenah birokrasi yang boleh menghalang pekerja asing berkenaan daripada mendapatkan haknya yang dinafikan oleh majikan. Kerajaan juga sedang mengkaji dasar penggajian pekerja asing sedia ada bagi membolehkan keseluruhan isu-isu berkaitan penggajian pekerja asing seperti kontrak pekerjaan, gaji, kemudahan-kemudahan dan penjagaan kebajikan dapat diperkemaskan selaras dengan kehendak deklarasi tersebut.

Kerajaan Malaysia akan sentiasa komited dan menyokong penuh deklarasi-deklarasi antarabangsa untuk menjaga hak dan kebajikan pekerja-pekerja asing selagi mana ianya tidak bercanggah dengan dasar dan undang-undang sedia ada selain tidak meminggirkan hak-hak pekerja tempatan. Dalam masa yang sama, penguatkuasaan terhadap Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) yang masuk dan bekerja secara tidak sah di negara ini akan tetap dilaksanakan seperti biasa bagi menjamin keselamatan negara dan rakyat keseluruhannya.